

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**PLG 721 – Isu-isu Teknologi Pengajaran**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

Jawab **TIGA (3)** soalan semuanya. **BAHAGIAN A WAJIB** dijawab dan pilih **DUA (2)** soalan **BAHAGIAN B**.

**BAHAGIAN A**  
(60 markah)

**Soalan WAJIB**

1. Pembelajaran berdasarkan web merupakan antara satu trend pendidikan yang semakin popular dalam era teknologi pada waktu kini. Gaya pengajaran dan pembelajaran ini bukan sahaja digunakan dalam pendidikan jarak jauh tetapi telah dijadikan satu alternatif pengajaran dan pembelajaran untuk pengajaran tradisional (*face-to-face*).
  - a) Bincangkan kelebihan dan kelemahan yang terdapat kaedah pembelajaran ini berbanding dengan kaedah tradisional.  
(20 markah)
  - b) Huraikan masalah dan implikasi kaedah pembelajaran berdasarkan web dalam implementasinya di sekolah.  
(20 markah)
  - c) Bincangkan perubahan dari segi gaya pengajaran guru atau pensyarah dan gaya pembelajaran pelajar dalam perlaksanaan kaedah ini.  
(20 markah)

**BAHAGIAN B**  
(40 markah)

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

1. Dalam pelaksanaan sesuatu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah, apakah faktor-faktor **sebelum** dan **selepas** inovasi yang harus anda pertimbangkan sebagai seorang 'decision maker'. Bincangkan.  
( 20 markah)
2. Senarai dan bincangkan isu-isu penting dalam pelaksanaan program ETEMS oleh Kementerian Pelajaran dalam usaha meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.  
(20 markah)
3. Bincangkan isu hak milik terpelihara yang harus anda teliti dalam penerbitan atau pembangunan dan penggunaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, berdasarkan perspektif guru dan pelajar.  
  
(20 markah)